

► **UMS adakan kerjasama dengan Ipsom**

# Jaga keselamatan perairan Sabah

UB 1.1.2014 82

Oleh **NURULAI DA FAZLIN LAMIT**  
utusanborneokk@gmail.com

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan kerjasama dengan Institut Keselamatan Awam Malaysia (Ipsom) bagi menjaga keselamatan perairan negeri Sabah.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata jalinan kerjasama di antara kedua pihak itu adalah bagi mengadakan penyelidikan berkaitan keselamatan perairan negeri termasuk Kawasan Khas Keselamatan Pantai Timur Sabah (Esscom).

"Ini adalah satu kerjasama yang strategik memandangkan UMS merupakan satu-satunya universiti yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu terutamanya dalam bidang Sains Sosial Keselamatan.

"Kajian ini akan menyumbang kepada peningkatan aspek keselamatan negeri ini dan dengan kerjasama ini

**“Ini adalah satu kerjasama yang strategik memandangkan UMS merupakan satu-satunya universiti yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu terutamanya dalam bidang Sains Sosial Keselamatan. Kajian ini akan menyumbang kepada peningkatan aspek keselamatan negeri ini dan dengan kerjasama ini kita mampu menyumbang kepada keselamatan perairan negeri.”**

**PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH**  
Naib Canselor UMS

kita mampu menyumbang kepada keselamatan perairan negeri," katanya ketika ditemui sebelum menghadiri mesyuarat pertama untuk merangka surat hasrat (LOI) dengan Ipsom di sini, kelmarin.

Harun berkata bagi tujuan berkenaan pihaknya akan menandatangani LOI dengan Ipsom yang juga agensi penyelidikan keselamatan awam di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Menurutnya sebagai permulaan, kajian berkenaan

akan dimulakan dengan kaji selidik oleh kedua pihak dalam tempoh tiga hingga enam bulan bermula tahun hadapan.

Beliau berkata kedudukan Sabah begitu strategik dan juga agak sensitif dengan perkara-perkara yang melibatkan keselamatan.

"Sabah mempunyai perairan yang sangat panjang dan berdekatan dengan negara jiran seperti Filipina, Indonesia dan Brunei Darussalam.

"Dengan kawasan perairan sedemikian pastinya kita



terdedah kepada macam-macam ancaman termasuklah isu-isu seperti penyeludupan senjata, manusia dan dadah yang perlu diberi perhatian," katanya.

Beliau berkata pelbagai pihak akan terlibat dalam kajian itu dan ianya bukan setakat kajian akademik sebaliknya akan membuat saranan kepada pihak berkuasa di bawah KDN mengenai tindakan yang perlu diambil dalam menangani situasi keselamatan di perairan Sabah.